

Jangan gadaikan masa depan: Mahathir

BN 31 JUL 1986

GEORGETOWN, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata rakyat tidak harus menggadai masa depan mereka, hanya semata-mata mahu ada wakil pembangkang di Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri.

Katanya, selama ini pun wakil pembangkang gagal membela nasib rakyat kerana mereka sentiasa menghabiskan masa di Dewan mengkritik kerajaan.

Menurut Perdana Menteri, wakil-wakil pembangkang itu juga mengkritik dengan cara 'menengking-menengking' yang tidak dapat diterima oleh kerajaan.

Sebaliknya, kata beliau, wakil-wakil Barisan Nasional (BN) yang memerintah negara ini, dapat menyalurkan apa juga masalah rakyat di tempat mereka melalui saluran yang mudah diterima.

Katanya, oleh kerana mereka dalam kerajaan, sudah tentu apa juga masalah yang mereka kemukakan, dapat ditimbang dan diatasi, untuk faedah rakyat yang diwakili.

Lantaran itulah, kata Perdana Menteri, slogan BN dalam pilihanraya kali ini 'Tradisi Membela Rakyat', sesuai dengan apa yang dilakukan oleh kerajaan membela semua kaum pelbagai agama di negara ini.

Berucap merasmikan pasar dan dewan orang ramai Batu Lancang di sini petang ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, hasrat kerajaan ialah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman dan makmur dan rakyat dapat hidup selesa daripada dahulu.

Katanya, antara usaha kerajaan untuk membantu rakyat ialah membantu mereka menceburi bidang perniagaan, melalui peruntukan, pin-

jaman serta tempat perniagaan seperti pasar Batu Lancang.

Katanya, semua ini dilakukan kerana kerajaan insaf dengan hasrat rakyat.

Perdana Menteri berkata, jika rakyat miskin, kerajaan juga miskin kerana tidak dapat pungut cukai, untuk digunakan bagi membiayai projek-projek untuk faedah rakyat, seperti gerai dan sekolah.